




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 889 kes. Bilangan kematian adalah 6 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 11,285 kes. Sehingga hari ini, seramai 4,908 pesakit dilaporkan telah sembuh. Manakala, seramai 6,287 pesakit sedang menerima rawatan dalam wad di seluruh Sabah.
- 2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Hari ini tidak ada penambahan bilangan zon merah.

- 3 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu di daerah Sandakan iaitu:
 - (i) Kluster Megah sebanyak 15 kes; dan
 - (ii) Kluster Mesra sebanyak 22 kes .
- 4 Daerah Kota Kinabalu mencatat kes tertinggi iaitu sebanyak 557 kes. Daripada jumlah ini, 434 kes adalah dari Kluster Penjara Kepayan.
5. Daerah Kudat mencatatkan 40 kes pada hari ini. Daripada jumlah ini, 33 kes adalah dari Kluster Inai.

B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI SABAH

- 1 Memandangkan kes positif di Sabah masih tinggi, tempoh PKPB di seluruh Sabah dilanjutkan sehingga 09 November 2020.
- 2 Sementara itu, PKPD untuk 14 lokaliti masih berkuat kuasa.

C. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

- 1 Dua (2) lagi lokaliti akan dilaksanakan PKPD iaitu di PPR Balung dan Kawasan Perumahan Taman Semarak di daerah Tawau mulai 26 Oktober 2020 hingga 08 November 2020. Pengoperasian kedai runcit di dua (2) lokaliti tersebut adalah dibenarkan mulai 6.00 pagi hingga 6.00 petang.

D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Seperti yang dinyatakan dalam sidang media pada 22 Oktober 2020, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM26.7 juta kepada 25 daerah di Sabah untuk digunakan bagi tujuan pengagihan Bakul Makanan. Pengagihan bakul makanan masih giat dijalankan.
- 2 Sehingga hari ini, sebanyak **84,814** bakul makanan telah diagihkan.

E. LAPORAN STATUS JANGKITAN DI KALANGAN WARGA PENDIDIKAN, STATUS SEKATAN JALAN RAYA (SJR), SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

1. Seramai 7 orang guru, 25 orang murid dan seorang kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dilaporkan dijangkiti COVID-19 pada 24 Oktober 2020. Ini menjadikan bilangan kumulatif guru yang dijangkiti COVID-19 adalah seramai 104 orang guru dan seramai 242 orang murid.

2. Sebanyak 64 SJR telah dilaksanakan di 64 lokasi melibatkan 32,566 pemeriksaan kenderaan. Sebanyak 291 buah kenderaan diarah berpatah balik dan tiada kompaun dikeluarkan. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.13%.
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di enam (6) buah daerah iaitu Papar, Semporna, Kota Kinabalu, Sandakan, Kota Marudu dan Kudat melibatkan keluasan 48,489 meter persegi.
4. Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah telah dilaksanakan di 22 buah lokasi di empat (4) buah daerah.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuat kuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Dalam kesempatan ini, saya menyeru semua penduduk negeri Sabah berikhtiar dan terus berdoa mengikut kepercayaan masing-masing agar negeri Sabah segera pulih dari pandemik COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
24 Oktober 2020**